

12 MAR 2004

Pilihan raya-Moggie

MOGGIE UCAP SELAMAT TINGGAL KEPADA PENGUNDI KANOWIT

Oleh: Alan Ting

KANOWIT (Sarawak), 12 Mac (Bernama) -- Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie hari ini mengucapkan selamat tinggal kepada Kanowit, kawasan yang diwakilinya, selepas berkhidmat sebagai anggota Parlimen selama tujuh penggal.

Moggie, presiden dan pengasas Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), yang telah berkecimpung dalam politik sejak 35 tahun lepas, telah memutuskan untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum 21 Mac ini.

Beliau turut meminta untuk berundur dari Kabinet. Beliau telah menjadi Menteri Kabinet sejak 16 tahun lepas.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda semua yang telah menyokong saya selama ini. Setiap kali saya bertanding, anda semua menyokong saya, termasuk semasa saya dalam pembangkang," katanya semasa berucap kepada lebih 100 penghulu rumah panjang dari daerah kecil Pedai, Jih dan Tuah di sini hari ini.

Turut hadir isterinya Datin Elizabeth Moggie.

Berucap dalam bahasa ibundanya iaitu Iban pada perhimpunan di Tokong Fung Ching Kun, di sini, Moggie berkata beliau telah menyatakan hasrat untuk tidak bertanding itu kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata semasa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri pada 31 Okt tahun lepas, beliau sekali lagi menyatakan hasratnya untuk tidak bertanding dan permintaannya itu akhirnya diterima.

"Saya telah menjadi ahli politik sejak 35 tahun lepas. Jadi, sudah tiba masanya untuk saya memberi laluan kepada orang lain," katanya.

Beliau berkata walaupun beliau mahu bersara daripada politik, masih ada penduduk di Kanowit yang menggesa beliau untuk bertanding semula.

"Saya memutuskan untuk berpegang kepada keputusan saya.

"Saya minta maaf kerana tidak dapat bertanding sekali lagi, saya berharap anda semua akan memberi sokongan kepada Aaron Ago Dagang," katanya.

Dagang, yang merupakan bekas setiausaha politik Moggie, dicalonkan oleh Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Parlimen Kanowit.

Moggie juga memberikan penjelasan kepada para penghulu itu kenapa BN mengambil sedikit masa untuk menamakan calon bagi Kanowit.

Ditanya apakah rancangan beliau selepas bersara, Moggie berkata beliau tidak mempunyai sebarang perancangan spesifik.

"Saya dan isteri hanya ingin menjalani hidup dengan aman," katanya.

Mengenai sama ada beliau akan kekal dalam PBDS sebagai penasihat, Moggie berkata beliau sedia memberikan nasihat sekiranya pemimpin dan anggota parti itu mahu menerimanya.

Ditanya siapa dari PBDS yang akan menggantikan beliau dalam Kabinet persekutuan, beliau berkata pemilihannya adalah kuasa mutlak Perdana Menteri.

-- BERNAMA

AT AT RHM